

D.R. 27/95

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya; seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pembangunan Sumber Manusia (Pindaan) 1995. Tajuk ringkas.
2. Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 2— Pindaan seksyen 2. Akta 491.
 - (a) dengan menggantikan perkataan "yang tidak kurang daripada satu tahun" dalam takrif "kontrak perantisan" dengan perkataan "yang diluluskan oleh Ketua Pengarah";
 - (b) dengan memasukkan sebelum takrif "kontrak perantisan" takrif yang berikut:

' "Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah yang dilantik di bawah seksyen 20;'; dan
 - (c) dengan memasukkan selepas perkataan "seksyen 3" dalam takrif "levi" perkataan "atau 3A".

Seksyen baru
3A.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 3 seksyen yang berikut:

"Penaan
levi
atas
majikan
yang di-
tetapkan.

3A. (1) Walau apa pun subseksyen 1(2) dan 3(1), seseorang majikan dalam industri pengilangan yang mempunyai sepuluh tetapi tidak lebih daripada empat puluh sembilan pekerja dan dengan modal berbayar kurang daripada dua juta dan lima ratus ribu ringgit, dan yang memilih untuk didaftarkan dengan Majlis, maka hendaklah dikenakan atas majikan tersebut suatu levi pembangunan sumber manusia berkenaan dengan setiap pekerja pada kadar 0.5 peratus daripada upah pekerja tersebut dalam mana-mana bulan.

(2) Sekiranya berlaku apa-apa keingkaran dalam pembayaran mana-mana levi yang kena dibayar di bawah subseksyen (1), peruntukan subseksyen 3(3) dan (4) hendaklah terpakai."

Seksyen baru
3B.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 3A seksyen yang berikut:

"Faedah
atas levi
yang kena
dibayar
tetapi
tidak
dibayar
mengikut
masa.

3B. Seseorang majikan yang gagal membayar apa-apa levi yang kena dibayar dalam masa sesuatu tempoh sebagaimana yang ditetapkan, adalah bertanggungjawab membayar faedah atas levi itu pada kadar sepuluh peratus setahun berkenaan dengan setiap hari keingkaran atau kelewatan dalam pembayaran:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika amaun faedah yang dikira itu adalah kurang daripada lima ringgit, faedah yang kena dibayar adalah lima ringgit berkenaan dengan setiap bulan atau sebahagian daripada suatu bulan keingkaran atau kelewatan dalam pembayaran; atau

(b) jika amaun faedah yang dikira itu melebihi lima ringgit, faedah yang kena dibayar hendaklah dikira kepada ringgit tertinggi yang paling hampir berkenaan dengan setiap bulan atau sebahagian daripada suatu bulan keingkaran atau kelewatan dalam pembayaran."

5. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 6.

- (a) dalam subseksyen (1) dengan memotong perkataan "dan seterusnya selama suatu tempoh lima bulan selepas itu";
- (b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Jika seseorang majikan telah memperolehi kepentingan seorang majikan lain yang didaftarkan di bawah seksyen 4, majikan yang mula-mula disebut itu adalah digantikan dengan majikan yang lain itu dan adalah layak untuk menerima atau terus menerima apa-apa bantuan kewangan atau faedah lain yang diadakan di bawah Akta ini, mengikut mana-mana yang berkenaan."; dan

- (c) dalam subseksyen (3) dengan menggantikan perkataan "adalah dibuat" dengan perkataan "dan faedah atas levi itu telah dibayar sepenuhnya".

6. Perenggan 9(1)(a) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "seksyen 3" dengan perkataan "seksyen 3 dan 3A;"

Pindaan
seksyen 9.

7. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 15.

- (a) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "dua belas" dengan perkataan "empat belas"; dan
- (b) dalam perenggan (1)(a) dengan menggantikan perkataan "lapan" dengan perkataan "sepuluh".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk memasukkan takrif baru dan untuk meminda takrif yang sedia ada. Takrif "kontrak perantisan" adalah dipinda dengan menggantikan tempoh perantisan yang ditetapkan tidak kurang daripada satu tahun, kepada suatu tempoh "yang diluluskan oleh Ketua Pengarah". Dengan pindaan ini, skim perantisan bagi tempoh kurang daripada satu tahun, terutama sekali bagi mereka dalam industri pelancongan, termasuk dalam skop Akta.

3. *Fasal 3* bertujuan memasukkan seksyen baru 3A. Seksyen baru ini memberi majikan dalam industri pengilangan yang mempunyai sepuluh tetapi tidak lebih daripada empat puluh sembilan pekerja dan dengan modal berbayar kurang daripada dua juta dan lima ratus ribu ringgit pilihan untuk mendaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia dan menyumbang levi pembangunan sumber manusia pada kadar 0.5 peratus daripada upah pekerja tersebut dalam mana-mana bulan.

4. *Fasal 4* bertujuan memasukkan suatu seksyen baru 3B yang memperuntukkan bagi pengenaan faedah atas majikan yang gagal membayar levi yang kena dibayar daripada mereka dalam tempoh yang ditetapkan.

5. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 6 Akta. *Perenggan 5(a)* meminda subseksyen 6(1) untuk membolehkan seseorang majikan yang telah membayar levi setelah didaftarkan menjadi layak secara serta merta untuk mendapatkan bantuan kewangan atau faedah lain di bawah Akta tanpa perlu menunggu suatu tempoh lanjutan selama lima bulan sebelum dia menjadi layak. *Perenggan 5(b)* adalah suatu pindaan yang berbangkit daripada pindaan subseksyen 6(1). *Perenggan 5(c)* adalah juga pindaan berbangkit yang menjadi perlu dengan adanya seksyen baru 3B.

6. *Fasal 6* adalah pindaan berbangkit.

7. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 15 Akta untuk menambahkan bilangan anggota Majlis Pembangunan Sumber Manusia daripada dua belas kepada empat belas dengan pertambahan berbangkit daripada lapan kepada sepuluh wakil majikan dalam Majlis.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1858.]